



1000240808

Masyarakat Bario antara masyarakat pintar di dunia

KUCHING, Isnin: Penduduk Bario, sebuah kawasan pedalaman di Sarawak telah diberi pengiktirafan sebagaisatu satu daripada tujuh masyarakat pintar dunia. Setiausaha Kerajaan negeri Datuk Amar Abdul Aziz Husain berkata pengiktirafan itu diberikan pada 10 Ogos lepas oleh World Teleport Association (WTA) yang berpusat di Amerika Syarikat.

Pengiktirafan itu diberikan ekoran pelaksanaan projek e-Bario yang diusahakan oleh Universiti Malaysia Sarawak (Unimas). Abdul Aziz telah menyampaikan berita gembira itu kepada penduduk Bario ketika merasmikan Pusat Gutaman Bario di Bario baru-baru ini.

WTA dianggotai oleh pihak yang terlibat dalam program jalurlebar di 20 negara dan mereka termasuk pembekal teleport, satelit, firma kejuruteraan, teknologi, pelaburan dan juru perunding. Sebelum ini projek e-Bario

menerima Anugerah Inovasi Industri bagi Pembangunan Sistem dan Aplikasi dari Society for Satelite Professional International (SSPI) yang juga berpusat di Amerika Syarikat.

Abdul Aziz berkata masyarakat Bario harus memanfaatkan sepenuhnya segala kemudahan dan meningkatkan kecekapan untuk mengendalikan semua kelengkapan yang disediakan menerusi projek itu.

Pusat Gutaman Bario adalah pusat teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) yang membolehkan masyarakat Bario berhubung dengan dunia luar.

Ia dilengkapi dengan kemudahan e-mel, internet, faks, e-perdagangan dan tele-perubatan manakala e-pembelajaran akan diperkenalkan tidak lama lagi. Naib Canselor Unimas Prof Dr Yusof Hadi berkata universiti bercadang menubuhkan beberapa buah lagi pusat ICT seperti itu di kawasan pedalaman lain di Sarawak.

Arkib
NEW
126.08
35
2002